

WOSULIN™

Wosulin™-N, Human, Insulin NPH human insulin isophane (100 IU/ml)

Wosulin™-R, Regular Human Insulin Soluble (100 IU/ml)

Wosulin™-30/70, Mixed Human Insulin (30% Regular, 70% Isophane)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan produk Wosulin™
2. Bagaimana produk Wosulin™ berfungsi
3. Sebelum menggunakan produk Wosulin™
4. Cara menggunakan produk Wosulin™
5. Semasa menggunakan produk Wosulin™
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan produk Wosulin™
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan produk Wosulin™

Produk Wosulin™ mengandungi bahan aktif insulin manusia dan digunakan untuk merawat diabetes.

Doktor anda mungkin menasihati supaya anda menggunakan Wosulin™-N sebagai insulin yang bertindak lebih lama dan Wosulin™-R sebagai insulin yang bertindak cepat. Jangan tukar insulin anda kecuali dengan arahan daripada doktor anda. Berhati-hatilah jika anda menukar insulin. Setiap jenis insulin mempunyai warna yang berbeza pada kotak dan kartrij supaya anda mudah mengenali perbezaannya.

Bagaimana produk Wosulin™ berfungsi

Produk Wosulin™ mengandungi bahan aktif insulin manusia, yang digunakan untuk merawat diabetes. Anda akan menghidap diabetes sekiranya pankreas anda tidak menghasilkan insulin dengan cukup bagi mengawal paras glukosa di dalam darah anda (gula darah). Produk Wosulin™ digunakan untuk mengawal glukosa dalam jangka panjang.

Wosulin™-N, tindakannya dipanjangkan dengan memasukkan protamina sulfat (*protamine sulphate*) ke dalam ampaiian itu.

Wosulin™-R, ialah suatu sediaan insulin tindakan cepat.

Wosulin™-30/70, adalah ampaiian pracampuran insulin yang bertindak cepat dan lama. Tindakannya dipanjangkan dengan memasukkan protamina sulfat (*protamine sulphate*) ke dalam ampaiian itu.

Sebelum menggunakan produk Wosulin™

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap insulin manusia atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Sebelum menggunakan produk Wosulin™

Jangan ambil produk Wosulin™ sekiranya anda fikir bahawa hipoglisemia (gula darah rendah) telah bermula. Bahagian selanjutnya dalam risalah ini memberitahu anda bagaimana untuk menangani hipoglisemia ringan.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat. Jumlah insulin yang anda perlukan selalunya menurun dalam tiga bulan pertama kehamilan dan meningkat dalam enam bulan terakhir. Jika anda menyusukan bayi, anda mungkin perlu mengubah pengambilan insulin atau diet anda.

Sila ambil perhatian khas dengan produk Wosulin™

- Jika paras gula darah anda dikawal baik dengan terapi insulin anda yang sedia ada, anda mungkin tidak akan merasa simptom-simptom amaran apabila gula darah anda turun ke paras terlalu rendah. Anda hendaklah memikirkan tentang waktu-waktu makan, kekerapan bersenam dan jenis senaman yang perlu dilakukan. Anda hendaklah juga memerhatikan paras gula darah anda dengan kerap menguji glukosa darah anda.
- Beberapa orang yang pernah mengalami gula darah rendah setelah

bertukar daripada insulin haiwan kepada insulin manusia telah melaporkan bahawa simptom-simptom amaran awal tidak begitu ketara atau berlainan. Jika anda selalu mengalami hipoglisemia atau sukar untuk mengenali simptom-simptomnya, sila bincangkan perkara ini dengan doktor anda.

- Jika anda menjawab YA kepada mana-mana daripada soalan-soalan berikut, sila beritahu jururawat pakar diabetes, doktor atau ahli farmasi anda.
 - Adakah anda merasa tidak sihat baru-baru ini?
 - Adakah anda mempunyai masalah dengan ginjal atau hati anda?
 - Adakah anda bersenam lebih daripada biasa?
- Jumlah insulin yang anda perlukan boleh berubah jika anda meminum alkohol.
- Anda perlu juga memberitahu jururawat pakar diabetes, doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda merancang untuk ke luar negara. Perbezaan waktu di antara negara mungkin bermakna bahawa anda perlu mendapat suntikan serta makan pada waktu yang berbeza berbanding apabila anda berada di negara sendiri.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Keperluan insulin anda boleh berubah jika anda mengambil mana-mana daripada yang berikut:

- steroid,
- terapi penggantian hormon tiroid,
- ubat hipoglisemik oral (ubat diabetes),
- pil asid asetilsalisilik (aspirin),
- sesetengah antidepresan (perencat monoamina oksidase),
- sesetengah perencat pengubah angiotensin (ACE) (contohnya *captopril*, *enalapril*) atau penghalang reseptor angiotensin II.

Cara menggunakan produk Wosulin™

- Berapa banyak harus digunakan
Sentiasa periksa label pada pek dan kartrij untuk menentukan nama dan

jenis insulin apabila anda mendapatkannya daripada farmasi anda. Pastikan anda mendapat produk Wosulin yang doktor anda telah beritahu anda untuk digunakan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos

- Biasanya anda hendaklah menyuntik WosulinTM-N sebagai insulin basal anda.
- Doktor anda telah memberitahu anda insulin yang mana untuk digunakan, berapa banyak, bila dan berapa kerap untuk disuntik. Arahan-arahan ini adalah hanya untuk anda. Ikutilah arahan-arahan itu dengan tepat dan selalulah melawat klinik diabetes anda.
- Sekiranya anda menukar jenis insulin anda (contohnya daripada haiwan kepada manusia) anda mungkin terpaksa mengambilnya lebih atau kurang daripada biasa. Ini mungkin untuk suntikan pertama sahaja atau mungkin juga perubahan beransur-ansur sepanjang beberapa minggu atau bulan.
- Suntikkan produk WosulinTM di bawah kulit. Anda hendaklah tidak mengambil produk WosulinTM dengan cara pengambilan lain.
- WosulinTM-N dan WosulinTM-30/70, jangan sekali-kali menyuntik ke dalam vena.

Menyediakan produk WosulinTM

- WosulinTM-R sudah dilarutkan di dalam air, oleh itu anda tidak perlu mencampurkannya. Tetapi anda mestilah menggunakannya hanya jika ia kelihatan seperti air. Larutan itu mestilah jernih, tidak berwarna dan tidak mengandungi zarah pepejal di dalamnya. Periksa kartrij itu setiap kali sebelum anda menyuntik diri anda.
- WosulinTM-N dan WosulinTM-30/70 hendaklah diputar-putarkan

beberapa kali di dalam tapak tangan sebelum digunakan untuk mengampai semula insulin sehingga ia kelihatan keruh atau seperti susu seragam. Jika tidak, sila ulangi prosedur di atas sehingga kandungan bercampur dengan secukupnya.

- Jangan goncang dengan kuat kerana ini boleh menyebabkan pembuihan yang boleh mengganggu pengukuran tepat dos itu. Kartrij hendaklah diperiksa selalu dan tidak digunakan jika terdapat ketulan-ketulan bahan atau jika zarah-zarah putih melekat pada bahagian bawah atau sisi kartrij, memberikan rupa berkabut. Periksa kartrij itu setiap kali sebelum anda menyuntik diri anda.

Menyediakan Pen untuk digunakan

Mula-mula basuh tangan anda.

Baca arahan mengenai cara menggunakan Pen Injector anda. Sila ikut arahan dengan teliti. Berikut adalah beberapa peringatan.

- Gunakan jarum bersih.
- Sediakan produk WosulinTM anda setiap kali sebelum digunakan. Ini untuk memastikan bahawa insulin keluar dan juga mengeluarkan gelembung udara daripada produk WosulinTM anda. Sedikit gelembung udara mungkin masih tinggal di dalam pen anda – ini tidak memudaratkan anda. Tetapi jika gelembung udara itu terlalu besar, ia mungkin menjejaskan dos insulin anda.

Menyuntik produk WosulinTM

- Mula-mula basuh tangan anda.
- Sebelum anda melakukan penyuntikan, bersihkan kulit anda seperti yang anda telah diarahkan.
- Bersihkan penutup getah pada kartrij, tetapi jangan tanggalkan penutup getah itu.
- Pengambilan (kaedah suntikan) menggunakan pen & kartrij daripada vial dengan picagari & jarum. Doktor akan memberitahu anda cara melakukan ini. **Jangan berkongsi jarum dan picagari anda.**

- Suntik di bawah kulit, seperti yang telah diajar kepada anda. Jangan suntik terus ke dalam mana-mana vena.
- Selepas suntikan, keluarkan jarum dan tekan tapak suntikan dengan perlahan untuk beberapa saat bagi memastikan anda telah menerima keseluruhan dos itu. Jangan gosok kawasan yang baru sahaja anda suntik. Pastikan anda menyuntik sekurang-kurangnya setengah inci (1cm) daripada tempat yang terakhir anda suntik, dan pastikan anda memilih tempat suntikan secara bergilir-gilir, seperti yang telah diajarkan kepada anda.
- Anda tidak boleh sekali-kali mencampurkan WosulinTM-R dan WosulinTM-N dengan insulin yang dihasilkan oleh pengeluar lain atau insulin haiwan.
- Anda tidak boleh menyuntik produk WosulinTM ke dalam suatu vena. Suntikkan produk WosulinTM seperti mana jururawat pakar diabetes atau doktor anda telah mengajar anda.
- Hanya doktor anda sahaja yang boleh menyuntik WosulinTM-R ke dalam vena. Beliau hanya akan berbuat demikian dalam keadaan khas seperti pembedahan atau jika anda sakit dan paras glukosa anda terlalu tinggi.

Selepas menyuntik

Sebaik sahaja anda selesai dengan suntikan anda, tanggalkan jarum dari pen dengan menggunakan penutup luar jarum. Ini akan mengekalkan insulin steril dan menghalang kebocoran. Ia juga akan menghalang udara daripada masuk semula ke dalam pen dan menyumbat jarum anda. Jangan berkongsi jarum anda. Jangan berkongsi pen anda. Lekapkan semula penutup pada pen anda.

Suntikan seterusnya

Anda hendaklah menggunakan jarum baru setiap kali anda menggunakan produk WosulinTM. Sebelum setiap suntikan, keluarkan gelembung udara jika ada. Anda boleh nampak berapa banyak baki insulin dengan memegang produk WosulinTM dengan jarum menghala ke atas. Skala pada kartrij menunjukkan baki unit yang masih tinggal.

Jangan campurkan insulin lain ke dalam pen pakai buang anda. Sebaik sahaja produk Wosulin™ kosong, jangan menggunakannya lagi. Sila singkirkannya dengan berhati-hati – ahli farmasi atau jururawat diabetes anda akan memberitahu anda bagaimana untuk melakukannya

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan produk Wosulin™ ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sekiranya anda mengambil produk Wosulin™ kurang daripada apa yang anda perlukan paras gula darah anda boleh meningkat. Sila periksa gula darah anda.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Sekiranya anda mengambil produk Wosulin™ lebih daripada apa yang anda perlukan, paras gula darah anda boleh menjadi lebih rendah. Sila periksa gula darah anda.

Semasa menggunakan produk Wosulin™

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan produk Wosulin™. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Gunakan produk Wosulin™ hanya dengan preskripsi doktor.

Jika anda mengalami hipoglisemia (tahap gula rendah dalam darah), makanlah tablet glukosa, gula atau minumlah minuman bergula. Kemudian makanlah buah-buahan, biskut atau sandwic, seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda dan berehatlah. Ini selalunya akan menghilangkan kesan-kesan hipoglisemia ringan atau kesan hipoglisemia ringan yang disebabkan oleh pengambilan dos insulin berlebihan. Jika keadaan anda bertambah buruk, nafas anda semakin lemah atau kulit anda menjadi pucat, beritahu doktor anda dengan segera.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan produk Wosulin™ kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Keupayaan anda untuk menumpukan perhatian dan bertindak balas mungkin berkurangan jika anda menghidap hipoglisemia. Ingatlah perkara ini dalam semua keadaan di mana anda mendedahkan diri anda atau orang lain kepada risiko (contohnya memandu kereta atau mengendalikan mesin). Anda hendaklah menghubungi doktor atau jururawat pakar diabetes anda sama ada boleh atau tidak anda memandu jika anda:

- kerap mengalami episod hipoglisemia
- kurang atau tiada tanda-tanda amaran hipoglisemia.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, produk Wosulin™ boleh menyebabkan Kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Insulin manusia boleh menyebabkan hipoglisemia (gula darah rendah). Simptom-simptom awal gula darah rendah selalunya bermula dengan pantas dan termasuk yang berikut:

- keletihan
- kegemuruan atau kegoyahan
- sakit kepala
- denyutan jantung cepat
- merasa kurang sihat
- peluh sejuk

Alergi sistemik. Simptom-simptomnya adalah seperti berikut:

- penurunan tekanan darah
- kesukaran bernafas
- denyutan jantung cepat
- ruam di seluruh badan
- sesak nafas
- berpeluh

Jika anda fikir bahawa anda mengalami alergi insulin sebegini dengan produk Wosulin™, sila beritahu doktor anda dengan segera.

Alergi setempat. Sesetengah orang mengalami kemerah-merahan, bengkak atau gatal-gatal di sekitaran tapak suntikan insulin. Ini lazimnya pulih antara beberapa hari hingga beberapa minggu. Jika ini berlaku kepada anda, sila beritahu doktor anda.

Lipodistrofi (kulit tebal atau berlekuk). Jika anda perasan kulit anda tebal atau berlekuk pada tapak suntikan, tukar tapak suntikan dan beritahu doktor anda.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan produk Wosulin™

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Sebelum digunakan untuk kali pertama simpan produk Wosulin™ anda di dalam peti sejuk (2°C – 8°C). **Jangan sejuk beku.** Anda boleh menyimpan kartrij yang sedang

digunakan pada suhu bilik (bawah 30°C) sehingga 28 hari. Jangan letakkan berhampiran barang panas atau terdedah kepada sinaran matahari.

Jangan gunakan produk Wosulin™ selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label dan karton. Tarikh luput merujuk kepada tarikh akhir pada bulan itu.

Jangan gunakan Wosulin™-N dan Wosulin™-30/70 jika terdapat ketulan-ketulan bahan atau jika terdapat zarah-zarah pepejal putih melekat pada bahagian bawah atau sisi kartrij, memberikan rupa berkabut. Periksa kartrij itu setiap kali anda menyuntik diri anda.

Jangan gunakan Wosulin™-R, jika ia berwarna atau jika ia mempunyai zarah-zarah pepejal di dalamnya. Anda hendaklah menggunakannya hanya jika ia kelihatan seperti air. Periksa kartrij itu setiap kali anda menyuntik diri anda.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Wosulin™-N didatangi dalam kartrij 3 mL yang mengandungi ampaiian putih yang steril yang bersamaan dengan 300 IU insulin manusia.

Wosulin™-R didatangi dalam kartrij 3 mL yang mengandungi larutan tanpa warna, jernih, dan bebas dari benda asing yang bersamaan dengan 300 IU insulin manusia.

Wosulin™-30/70 didatangi dalam kartrij 3 mL yang mengandungi ampaiian putih atau hampir putih yang bersamaan dengan 300 IU insulin manusia.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bahan aktif produk Wosulin™ adalah insulin manusia *isophane*. Insulin manusia dihasilkan di dalam makmal menggunakan proses 'teknologi DNA rekombinan'. Ia mempunyai struktur yang sama seperti hormon semula jadi yang dihasilkan oleh pankreas. Oleh itu ia berbeza daripada insulin haiwan.

Wosulin™-N disediakan dalam bentuk ampaiian bersama *protamine sulphate*.

Wosulin™-30/70 ialah ampaiian pracampuran yang mengandungi 30 % *regular insulin* yang dilarutkan dalam air dan 70% *isophane insulin* dengan *protamine sulphate*

- Bahan tidak aktif

Wosulin™-N dan Wosulin™-30/70 *Glycerol, Zinc Oxide, m-Cresol, Phenol, Disodium Hydrogen Phosphate, Protamine Sulphate, Sodium Hydroxide (for pH adjustment), Hydrochloric Acid (for pH adjustment), Water for Injection (WFI).*

Wosulin™-R, *Glycerol, Zinc Oxide, m-Cresol, Tri-Sodium Citrate Dihydrate, Citric Acid Monohydrate, Sodium Hydroxide (for pH adjustment), Hydrochloric Acid (for pH adjustment), Water for Injection (WFI).*

- Nombor MAL

Wosulin™-N
MAL24116039AZ

Wosulin™-R
MAL24116038AZ

Wosulin™-30/70
MAL24116040AZ

Pengilang

Wockhardt Limited
E-1/1, Wockhardt Infrastructure Development Limited, Special Economic Zone (SEZ), E-1, Shendra MIDC Five Star Industrial Area, Shendra, Chhatrapati Sambhajnagar-431154, Maharashtra State, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd
(198201002939)
Lot 7, Jalan PPU 3, Taman Perindustrian Puchong Utama, 47100 Puchong, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

19/05/2026

Nombor Siri


(NPRA (R3) 24/61)

ARAHAN TENTANG CARA MENGGUNAKAN PEN INJECTOR

Sila baca arahan berikut dengan teliti sebelum menggunakan Pen Injector anda. Sekiranya anda tidak mematuhi arahan dengan teliti, anda mungkin mendapat terlalu sedikit atau terlalu banyak insulin, yang boleh menyebabkan paras gula darah terlalu tinggi atau terlalu rendah.

Produk Wosulin™ boleh digunakan dengan DELFU Pen Injector, PENOVVA Pen Injector dan Mypen®2 pen injector.

Pen Injector direka untuk digunakan dengan jarum pakai buang. Pen ini sesuai untuk jarum BD and NOVO. Sebagai langkah berjaga-jaga, sentiasa membawa peranti penghantaran insulin gantian sekiranya Pen Injector anda hilang atau rosak.



Penjagaan Pen Injector


Pen Injector anda mesti ditangani dengan berhati-hati.

Sekiranya ia jatuh, rosak atau hancur, terdapat risiko kebocoran insulin. Ini boleh menyebabkan dos yang tidak tepat, yang boleh menyebabkan paras gula darah terlalu tinggi atau terlalu rendah.


Anda boleh membersihkan bahagian luar Pen Injector anda dengan mengelapkannya dengan kapas berubat. Jangan merendamnya, membasuh atau melincirkannya kerana ia mungkin merosakkan pen.

Penyediaan Pen Injector


Semak nama kartrij insulin anda untuk memastikan ia mengandungi jenis insulin yang betul. Ini amat penting jika anda mengambil lebih daripada satu jenis insulin. Jika anda mengambil lebih daripada satu jenis insulin, paras gula darah anda mungkin terlalu tinggi atau terlalu rendah.



Ambil pen dari dalam kotak, buka penutupnya.





Buka pemegang kartrij.




Tolak skru sehingga skru dalaman ditarik balik sepenuhnya.

Pengguna Mypen®2- untuk menarik balik skru dalaman, pegang skru dalaman dengan kukuh dan putarkan badan pen mengikut arah jam sehingga skru dalaman tersebut tertarik balik sepenuhnya.




Masukkan kartrij ke dalam Bingkai Pengisian Semula, letakkan hujung kecil kartrij ke dalam pemegang kartrij.

Nota: Pastikan kartrij tidak pecah sebelum anda memasangnya.



Pasang pemegang kartrij kembali ke badan pen dengan betul.

Nota: Jika kartrij tidak dipasang dengan betul, anda mungkin tidak dapat memasang pemegang kartrij dan mungkin tidak dapat menyuntik dos yang betul.



Buang lapisan pelindung, kemudian skru jarum pada pemegang katrij, keluarkan penutup jarum dan pastikan jarum tidak bengkok atau rosak.


Nota: Sentiasa guna jarum baru untuk setiap suntikan. Ini mengurangkan risiko pencemaran, jangkitan, kebocoran insulin, jarum yang disekat dan dos yang tidak tepat.

Berhati-hati supaya tidak membengkokkan atau merosakkan jarum sebelum digunakan.


Menyemak saluran insulin

Sebelum setiap suntian, sedikit udara mungkin akan berkumpul di dalam katrij semasa penggunaan biasa. Untuk mengelakkan menyuntik udara dan memastikan dos yang betul:

Sebelum setiap suntikan, perlu memasang jarum baru.




Putarkan pemilih dos untuk memilih dos yang anda ingin suntik.



Letakkan pen secara menegak dan jarum pen ke atas.




Pegang Pen Injector anda dengan jarum menuju ke atas dan ketuk katrij dengan lembut menggunakan jari anda beberapa kali supaya sebarang buih udara yang ada akan berkumpul di bahagian atas katrij.




Tekan butang suntikan sehingga anda melihat cecair tergantung di hujung jarum. Jika tidak, tukarkan jarum dan ulangkan prosedur. Jika setitik insulin masih tidak muncul, pen itu rosak, dan anda mesti gunakan yang baru.

Memilih dos anda




Putarkan pemilih dos untuk memilih bilangan unit yang anda perlu suntik.



Dos boleh dibetulkan sama ada naik atau turun dengan memutar pemilih dos dalam mana-mana arah sehingga sukatan betul berbaris dengan penunjuk. Apabila memutar pemilih dos, berhati-hati supaya tidak menekan butang tolak kerana insulin akan terkeluar.

Anda tidak boleh memilih dos yang lebih besar daripada bilangan unit yang tertinggal dalam katrij. Dos maksimum adalah 0.6ml, jika dos anda lebih daripada 0.6ml, anda perlu menyuntik dua kali.

Sentiasa gunakan pemilih dos dan penunjuk untuk melihat berapa unit yang telah anda pilih sebelum menyuntik insulin.




Pada akhir suntikan, nombor di tingkap haruslah "0". Jika tidak, ini adalah jumlah insulin yang anda tidak terima. Ingat nombor ini, buang jarum dan kartrij kosong.

Jika anda memilih dan menyuntikkan dos yang salah, paras gula darah anda mungkin terlalu tinggi atau terlalu rendah.


Jangan gunakan skala sisa, ia hanya menunjukkan kira-kira berapa banyak insulin yang ditinggal dalam pen anda.

Membuat suntikan

Masukkan jarum ke dalam kulit anda. Gunakan teknik suntikan yang ditunjuk oleh doktor atau jururawat anda.




Suntikkan dos dengan menekan butang tolak sampai habis sehingga "0" berbaris dengan penunjuk. Berhati-hati untuk menolak butang tolak hanya semasa anda membuat suntikan.



Pastikan butang tolak ditekan sampai habis dan biarkan jarum kekal di bawah kulit selama sekurang-kurangnya 6 saat. Ini akan memastikan anda mendapat dos penuh.

Keluarkan jarum daripada kulit, kemudian lepaskan tekanan pada butang tolak.

Sentiasa pastikan pemilih dos kembali ke "0" selepas suntikan. Sekiranya pemilih dos berhenti sebelum ia kembali ke "0", dos penuh tidak disampaikan, yang mungkin mengakibatkan paras gula darah terlalu tinggi.



Masukkan jarum ke dalam penutup luar jarum tanpa menyentuhnya. Setelah jarum ditutupkan, tolak penutup luar jarum untuk rapatkannya dengan berhati-hati, kemudian tanggalkan jarum.

Buangkan jarum tersebut dengan berhati-hati dan tutupkan pen dengan penutupnya.

Sentiasa tanggalkan jarum selepas setiap suntikan dan simpankan Pen Injector anda tanpa jarum disambungkan. Ini mengurangkan risiko pencemaran, jangkitan, kebocoran insulin, jarum yang disekat dan dos yang tidak tepat.

Maklumat Lanjut

Penjaga mestilah amat berhati-hati apabila mengendalikan jarum yang terpakai untuk mengurangkan risiko terkena cucukan jarum dan jangkitan silang.

Buangkan Pen Injector anda yang telah habis diguna tanpa jarum disambungkan.

Jangan berkongsi pen atau jarum anda dengan orang lain. Ia mungkin membawa kepada jangkitan silang.

Jangan berkongsi pen anda dengan orang lain. Ubat anda mungkin membahayakan kesihatan mereka.

Sentiasa jaga pen dan jarum anda daripada pandangan dan capaian orang lain, terutamanya kanak-kanak.